



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

29.9.2023

Siaran Media

YAB TUAN CHOW KON YEOW

Ketua Menteri Pulau Pinang

Pengerusi PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

STATUS PEMULIHAN BEKALAN AIR PULAU PINANG: 84.1% PUKUL 3.30 PETANG

- **Kekeruhan air mentah Sungai Muda semakin baik (547.9 NTU).**
- **Kapasiti pengeluaran Loji Rawatan Air Sungai Dua 94.6%.**
- **Perkhidmatan bekalan air kepada 391,239 daripada 465,004 pengguna air terjejas di Seberang Perai dan Pulau Pinang telah dipulihkan.**

PULAU PINANG, Jumaat, 29.9.2023: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah “memulihkan” perkhidmatan bekalan air untuk majoriti pengguna air Pulau Pinang yang terjejas akibat insiden Sungai Muda yang berlaku pagi tadi.

Sehingga jam 3.30 petang hari ini:

- **Bekalan air kepada 391,239 daripada 465,004 (84.1%) pengguna air terjejas di Seberang Perai dan Pulau Pinang telah dipulihkan.**
- **Kekeruhan air mentah Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang telah turun kepada 547.9 NTU (*nephelometric turbidity units*). PBAPP mengabstrak air mentah pada kapasiti 100% di Lahar Tiang untuk dipam ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.**
- **Pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua telah mencapai 94.6% daripada kapasiti maksimum.**

Pasukan pasukan respons kecemasan (ERP) PBAPP, diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Ir. Pathmanathan K., menyasarkan untuk **memulihkan sepenuhnya perkhidmatan bekalan air di seluruh negeri pada esok (30.9.2023).**

Keutamaan ialah memulihkan semula kapasiti air terawat 100% di LRA Sungai Dua. Selepas itu, PBAPP perlu mengoptimumkan pengepaman air terawat ke saluran paip kosong dan kakitangan PBAPP perlu menangani isu seperti menghidupkan semula pam di semua rumah pam yang terjejas dan menangani “sendat udara”, kemungkinan paip pecah, serta isu saluran paip lain.

Untuk mengetahui kemas kini terkini mengenai kerja-kerja pemulihan dan proses pemulihan bekalan air, sila layari laman FB PBAPP.

LATAR BELAKANG: INSIDEN SUNGAI MUDA 29.9.2023

- Pada 22.9.2023, banjir kilat dilaporkan berlaku di Baling, Kedah. Banjir itu menghanyutkan serpihan dan tanah ke Sungai Muda, di hulu muka sauk Lahar Tiang Pulau Pinang.
- Sejak 22.9.2023, PBAPP telah memantau dengan rapi kualiti air mentah Sungai Muda. Sehingga semalam (28.9.2023), kualiti air mentah di muka sauk Lahar Tiang di Pulau Pinang adalah mencukupi untuk PBAPP mengabstrak bagi pengeluaran air terawat “normal” di LRA Sungai Dua.
- PBAPP perlu mengabstrak kira-kira 1,100 JLH (juta liter sehari) air mentah dari Lahar Tiang untuk menyokong purata pengeluaran kira-kira 1,000 JLH air terawat di LRA Sungai Dua.
- Mulai 28.9.2023, PBAPP telah melepaskan kira-kira 300 JLH daripada Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) sebagai langkah kawalan awal.
- **Pagi ini (29.9.2023), kekeruhan air mentah Sungai Muda di Lahar Tiang melonjak sebanyak 556%, daripada 236 NTU (*nephelometric turbidity units*) pada 12.00 tengah malam kepada 1,549 NTU pada 7.00 pagi.** Dalam mengutamakan keselamatan awam, PBAPP mengurangkan abstraksi air mentah sebanyak kira-kira 70% pada 9.00 pagi hari ini.
- **Pengurangan 70% dalam pengabstrakan air mentah di Lahar Tiang ini memaksa PBAPP mengurangkan pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua kepada 715.8 JLH (disokong oleh pengeluaran 300 JLH EMD) pada pukul 9.00 pagi.**
- Akibat pengurangan pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua pagi tadi, **bekalan air kepada pengguna air di kawasan berikut terjejas:**

Seberang Perai		Bahagian pulau, Pulau Pinang	
1.	Seberang Perai Selatan	3.	George Town
2.	Seberang Perai Tengah (kawasan selatan Rumah Pam Bukit Minyak)	4.	Selatan Bukit Dumar ke Balik Pulau (termasuk Pulau Betong, Bukit Penara, Pondok Upeh dan Bandar Balik Pulau)



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

FAKTOR UTAMA YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN

Sila pertimbangkan faktor-faktor berikut:

1. Ini adalah **“gangguan bekalan air tidak berjadual”** yang disebabkan oleh kejadian luaran dan faktor di luar kawalan PBAPP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
2. **Kejadian ini berpunca daripada kejadian banjir kilat di Baling, Kedah baru-baru ini.**
3. Pasukan pelan respons kecemasan (ERP) PBAPP membuat keputusan untuk mengurangkan pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua kerana kekeruhan air mentah dari Sungai Muda adalah luar biasa tinggi.
4. **PBAPP terpaksa mengutamakan keselamatan awam** kerana LRA Sungai Dua tidak direka bentuk untuk memproses air mentah dengan kadar kekeruhan melebihi 1,000 NTU dengan selamat, untuk menghasilkan air terawat yang selamat untuk kegunaan awam.
5. **Pemantauan 24/7 PBAPP terhadap kualiti air mentah di Lahar Tiang (sejak 22.9.2023) dan tindakan kawalan awal untuk melepaskan air mentah dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan (sejak 28.9.2023) telah membantu mengurangkan impak kejadian ini.**
6. **Sejak 1.00 pagi hari ini, PBAPP telah menyiarkan amaran waspada mengenai kekeruhan air mentah Sungai Muda di laman FBnya** dan menggesa pengguna air Pulau Pinang menyimpan air mencukupi untuk kegunaan kecemasan, berikutan berita mengenai banjir kilat Baling baru-baru ini.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my